



## **DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Adalah menjadi dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerjaanya dan orang-orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitinya.

Pihak pengurusan dan pekerja akan sama-sama berusaha untuk mencapai matlamat dan objektif-objektif dasar ini melalui rundingan dan kerjasama yang berterusan. Secara khususnya, dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan KPM ialah:-

- i. Menyedia dan menyenggarakan suatu tempat dan sistem kerja yang selamat dan sihat;
- ii. Memastikan bahawa semua kakitangan adalah diberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan cara untuk menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;
- iii. Menyiasat semua kemalangan, penyakit, keracunan dan kejadian berbahaya dan mengambil langkah-langkah bagi memastikan kejadian-kejadian tersebut tidak berulang lagi;
- iv. Mematuhi kehendak-kehendak perundangan mengenai keselamatan dan kesihatan seperti yang ditetapkan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, peraturan-peraturannya dan tataamalan-tataamalan yang diluluskan;
- v. Memastikan bahawa keselamatan dan kesihatan diintegrasikan ke dalam aktiviti-aktiviti harian dan penggunaan cara kerja selamat serta sihat;
- vi. Menyediakan kemudahan-kemudahan kebajikan asas bagi semua pekerja termasuk peralatan pencegahan dan keselamatan diri; dan
- vii. Untuk mengkaji semula dasar mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

.....  
**DATO' DR. MOHD GAZALI BIN ABAS**  
**Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Pendidikan Malaysia**

Tarikh: 18.7.19